

**SUATU ANALISIS AWAL TERHADAP PENGURUSAN  
PROGRAM BINA INSAN GURU DALAM  
MEMBINA SAHSIAH GURU PELATIH**



**SUKRAN BIN NALAMIN**

UMS

PERPUSTAKAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2005**

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

### BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL : Suatu Analisis Awal Terhadap Pengurusan Program Bina Insan Guru Dalam Membina Sahsiyah Guru Pelatih


IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : 2004/2005

Saya, SUKRAN BIN NALAMIN, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan berikut :

5. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
6. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
7. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
8. TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



(Penulis : SUKRAN BIN NALAMIN)

NORAZLYNE MOHD. JIHAN @ JACKLYNE  
PUSTAKAWAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

TARIKH : 10 OGOS 2005

(PROF. MADYA DR. ZULKIFLI MOHAMED)

TARIKH : 10 OGOS 2005

CATATAN : @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

SUKRAN BIN NALAMIN  
PS03-006(K)-079  
10 OGOS 2005



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Allah swt kerana dengan izinNya kajian ini telah dapat saya sempurnakan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia saya, Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Zulkifli Mohamed atas segala bimbingan, terpujian dan saranan yang membina sepanjang saya menjalankan kajian ini. Tidak lupa kepada Profesor Madya Dr. Salleh Abd. Rashid, Dr. Sabariah Sharif dan Dr. Vincent Pang yang turut memberi pandangan dan panduan di kala saya menemui jalan buntu dan memerlukan bantuan.

Penghargaan juga ingin saya rakamkan kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam melicinkan kajian ini iaitu Bahagian Perancangan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Maktab Perguruan Tawau, serta semua yang terlibat dalam kajian ini.


Tidak lupa, sekalung terima kasih saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah membantu dan memberi sokongan moral sepanjang meniti laluan getir, menempuh cabaran meneruskan tanggungjawab sebagai pelajar di institusi ini, antaranya Tuan Haji Mohd. Isa Abd. Razak, Mohammad Zaki Mohd. Yusof, Mohd Firdaus Salam, Thillai Raman, Musaidi Mustaffa, Majlis Saprin dan seterusnya kakitangan Maktab Perguruan Tawau.

Akhir sekali, kepada kedua ibu bapa, Haji Lahamin Kadir dan Nani Sadak, isteri yang tercinta Saluni Sazali dan anak-anak Muhammed Sazreen, Shazathul Shahirah, Sherin dan Shahida Shafina yang sabar dan menjadi perangsang agar saya berjaya dalam pengajian ini. Tanpa restu dan doa mereka belum tentu saya mampu mengorak ke puncak jaya.

**SUKRAN NALAMIN**


**ABSTRAK****SUATU ANALISIS AWAL TERHADAP PENGURUSAN  
PROGRAM BINA INSAN GURU (BIG) DALAM  
MEMBINA SAHSIAH GURU PELATIH**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan pengurusan program Bina Insan Guru (BIG) membantu dalam pembinaan sahsiah guru pelatih. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji faktor rakan sebaya, jurulatih dan motivasi mempengaruhi guru pelatih dalam program BIG. Data-data diperolehi melalui instrumen soal selidik yang dijalankan terhadap 60 guru pelatih yang mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah di Maktab Perguruan Tawau. Seterusnya data-data dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi melalui Ujian-t dan Korelasi Pearson. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan Model Bina Insan Guru (KPM,2001) sebagai kerangka konseptual. Pengurusan program BIG ditinjau terhadap hubungan dan keberkesanannya dalam membina sahsiah. Hasil kajian menunjukkan bahawa program BIG mewujudkan hubungan yang positif dan signifikan dengan pembinaan sahsiah. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara program BIG dalam membina sahsiah guru pelatih dengan faktor rakan sebaya, jurulatih dan motivasi



**ABSTRACT*****IT IS AN EARLY ANALYSIS ON THE MANAGEMENT  
OF THE 'BIG' PROGRAM IN BUILDING  
TRAINEE TEACHERS' PERSONALITY***

*The aim of this research is to find out the implementation of the management of BIG program in building personality among the trainee teachers. This research also meant to investigate the influence of peers, trainers as well as motivation on the trainees. The data was obtained through a set of questionnaire which was administered in 60 KPLI trainee teachers at Maktab Perguruan Tawau. The data were analyzed by using descriptive and inferential statistic and by using t-test, and Pearson Correlation. Model "Building Teachers' Personality" (KPM,2001) was used as the basis of its conceptual framework. The management of BIG program was investigated on its effectiveness in building trainee teachers' personality. Through this study it was found that BIG program had provide positive and significant relationship in building personality. It also been found that there was a significant relationship between BIG program in building trainee teachers' personality through the influence of peers, trainers as well as motivation*



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SINGKATAN

BIG	Bina Insan Guru
BPK	Bahagian Pendidikan Guru
FPG	Falsafah Pendidikan Guru
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GERKO	Gerak Kerja Kokurikulum
KIDPM	Kursus Diploma Perguruan Malaysia
KIPP	Konteks, Input, Proses dan Produk
KLMS	Kem Latihan Membina Semangat
KPLI	Kursus Perguruan Lepasan Ijazah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
M	Min
N	Bilangan Responden
MPTS	Maktab Perguruan Tawau, Sabah
PAS	Pendidikan Alam Sekitar
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
PISMP	Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PPL	Program Pendidikan Luar
SP	Sisihan Piawai
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>
UMS	Universiti Malaysia Sabah
WPEAI	<i>Wear's Physical Education Attitude Inventory</i>





<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>SINGKATAN</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>BAB 1 :</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Hipotesis Kajian	6
1.5 Latar Belakang Model	6
1.5.1 Model Bina Insan Guru dan KIPP	7
1.5.2 Model KIPP dan 3P Briggs	9
1.5.3 Kerangka Konseptual Kajian	10
1.6 Tujuan Kajian	12
1.6.1 Objektif Kajian	13
1.7 Batasan Kajian	13
1.8 Kepentingan Kajian	14
1.9 Definisi Operasional	15
1.9.1 Pengurusan	15
1.9.2 Program Bina Insan Guru (BIG)	16
1.9.3 Matlamat dan Objektif Program BIG	17
1.9.4 Strategi Pelaksanaan BIG	18
1.9.5 Penilaian Dalam BIG	19
1.9.6 Sahsiah	20
1.9.7 Guru Pelatih	21
1.10 Kesimpulan	21
<b>BAB 2 :</b>	
<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	22
2.1 Pendahuluan	22
2.2 Definisi Pengurusan	22
2.3 Prinsip-Prinsip Pengurusan	23
2.4 Pengurus Sebagai Pembuat Keputusan	25



2.4.1	Proses Membuat Keputusan	25
2.5	Pengurus Bekerja Dalam Pasukan	26
2.6	Pengurusan dan Organisasi Program BIG	27
2.6.1	Kepentingan Program BIG	28
2.6.2	Kurikulum Program BIG	29
2.6.3	Konseptual Program BIG dan Pendidikan Guru	30
2.6.4	Penilaian Dalam Program BIG	32
2.7	Pembelajaran Dewasa	32
2.7.1	Model Dan Prinsip Andragogi	33
2.7.2	Latihan dan Teori Pembelajaran Dewasa	35
2.7.3	Teori Kognitif dan Humanistik Dalam BIG	36
2.8	Motivasi	37
2.8.1	Motivasi Ekepektensi Vroom	38
2.8.2	Teori Motivasi Maslow	39
2.9	Sahsiah	40
2.9.1	Pembentukan Sahsiah Guru Pelatih	41
2.9.2	Fungsi-Fungsi Sahsiah	42
2.9.3	Pengaruh Sahsiah Melalui Rakan Sebaya	43
2.9.4	Pengaruh Jurulatih	44
2.9.5	Pengaruh Motivasi	45
2.10	Kajian Lepas	46
2.11	Kesimpulan	47
<b>BAB 3 :</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	49
3.1	Pendahuluan	49
3.2	Reka Bentuk Kajian	49
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	50
3.4	Instrumen Kajian	50
3.4.1	Soal Selidik	51
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	55
3.6	Kajian Rintis	56
3.7	Tatacara Pemerolehan Data	57
3.8	Penganalisan Data	57
3.8.1	Pengiraan Min, Peratus dan Sisihan Piawai	58
3.8.2	Analisis Deskriptif dan Inferensi	59
3.8.3	Korelasi Pearson	60
3.8.4	Ujian-t	61
3.9	Kesimpulan	61
<b>BAB 4:</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	63
4.1	Pendahuluan	63
4.2	Maklumat Latar Diri Responden	63
4.3	Taburan Keberkesanan Program BIG	65
4.4	Keputusan Analisis Korelasi BIG dengan Faktor	70
4.4.1	Dapatan Analisis Hubungan BIG-Rakan Sebaya	70
4.4.2	Dapatan Analisis Korelasi Sahsiah dan Jurulatih	72
4.4.3	Dapatan Analisis Korelasi Sahsiah dengan Motivasi	73
4.4.4	Perbezaan Program BIG Berdasarkan Jantina	74

4.5	Kesimpulan	75
<b>BAB 5 :</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	76
5.1	Pendahuluan	76
5.2	Ringkasan Kajian	76
5.3	Dapatan Dan Perbincangan	77
5.4	Kesimpulan dan Cadangan	79
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	82
5.6	Kesimpulan	84
<b>RUJUKAN</b>		85
<b>LAMPIRAN A</b>	:Borang Soal Selidik	90
<b>LAMPIRAN B-E</b>	:Salinan Surat-Surat Kebenaran/Pengesahan	97
<b>LAMPIRAN F</b>	:Data <i>SPSS</i>	101



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SENARAI JADUAL****Muka Surat**

Jadual 3.1	Taburan Responden	50
Jadual 3.2	Pemarkatan Item	52
Jadual 3.3	Analisis Item Faktor Yang Mempengaruhi Sahsiah Guru Pelatih Dalam Program BIG	54
Jadual 3.4	Skala Likert 5 Mata	58
Jadual 3.5	Interpretasis Skor Min	59
Jadual 4.1	Profil Responden Kajian	64
Jadual 4.2	Taburan Kekerapan Keberkesanan Pelaksanaan Program BIG Dalam Membina Sahsiah	65
Jadual 4.3	Deskriptif Min, Sisihan Piawai Dan Pertalian Pembinaan Sahsiah	69
Jadual 4.4	Peratus Persetujuan Dalam Pembinaan Sahsiah	69
Jadual 4.5	Keputusan Korelasi Pearson Antara Program BIG Dengan Faktor Rakan Sebaya, Jurulatih Dan Motivasi	70
Jadual 4.6	Interpretasi Davis Dalam Korelasi Atau Perkaitan	71
Jadual 4.7	Dapatan Nilai Korelasi Pearsoan	74
Jadual 4.8	Dapatan Ujian-t Terhadap Program BIG dengan Jantina	75

**SENARAI RAJAH****BAB 1****Muka Surat**

Rajah 1.1	Model KIPP Stufflebeam	7
Rajah 1.2	Model 3P Briggs	9
Rajah 1.3	Kerangka Konseptual Pembentukan Insan Guru	11
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Pendidikan Guru	31
Rajah 2.2	Teori Formula Vroom	38



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1. Latar Belakang Kajian

Program Bina Insan Guru (BIG) merupakan salah satu kursus yang penting dalam latihan perguruan di Malaysia. Guru pelatih wajib mengikuti dan lulus dalam program ini sebagai salah satu syarat lulus dalam program latihan pendidikan guru di seluruh maktab-maktab perguruan di Malaysia.

Latihan perguruan, pengurusan dan kepimpinan perlu dimantapkan dan dikemaskini untuk meningkatkan profesionalisme bakal pendidik. Menurut Ibrahim (1996) program latihan yang berkesan berupaya mengubah perlakuan pelatih semasa bertugas selepas berkursus. Keperluan latihan dalam sesuatu program dapat membawa perubahan tingkah laku positif yang menyumbang kepada keberkesanan organisasi (Latham dan Wexley, 1994). Keperluan latihan ini penting kerana Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memerlukan bakal pendidik yang berilmu, berketrampilan, berakhlak mulia dan sentiasa mempraktikkan refleksi dalam pembangunan diri dan organisasi.

Sejajar dengan itu, Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan mengadakan salah satu kurikulum dalam program BIG. Program ini merupakan salah satu usaha pencetus pembinaan insan guru yang berakhlak mulia, bersahsiah, bersemangat juang yang tinggi, mempunyai ketahanan fizikal dan mental, bermanfaat kepada diri, keluarga, masyarakat serta negara selaras dengan nilai-nilai keguruan (KPM,2003)

## 1.2. Pernyataan Masalah

Program BIG merupakan salah satu program telah dilaksanakan di maktab-maktab perguruan Malaysia mengikut kurikulum BPG. Sejak permulaannya pada tahun 2001, Program BIG diadakan belum dapat dikesan sejauh mana program ini mencapai matlamatnya. Di samping itu juga, program ini adalah sebagai pengganti kepada Program Kem Latihan Membina Semangat (KLMS) yang terdapat banyak kelemahan dan masalahnya. Hal ini boleh dapat dilihat dalam dimensi konteks, proses dan produk yang banyak menjurus kepada ketahanan fizikal tanpa menilai perubahan sahsiah guru pelatih.

Pembentukan sahsiah dalam latihan perguruan amat penting untuk menentukan kualiti dan nilai keguruan dapat diterapkan melalui amalan dalam pengajaran. Walau bagaimanapun pada lazimnya masih terdapat guru permulaan yang tidak mengamalkan sahsiah yang unggul kerana tidak berminat dengan sepenuhnya terhadap profesionnya (Mohd. Salleh Lebar, 2000). Sikap dan personaliti guru disertai dengan iltizam untuk berjaya merupakan faktor penentu, sama ada seseorang itu boleh menjadi guru yang baik atau sebaliknya. Menurut Robiah (1994) terdapat calon guru yang dipilih untuk mengikuti pengajian di maktab perguruan terdiri daripada golongan yang tidak berminat terhadap profesionnya dan menganggap profesion ini sebagai pilihan yang terakhir mereka. Sungguhpun taraf pencapaian akademik calon yang terpilih ke maktab perguruan secara umumnya baik pada pandangan BPG, namun masalah yang berkaitan dengan kesesuaian sifat dan kualiti sahsiah guru pelatih masih berbangkit (Md. Sood Mohamad, 1988). Semasa mengikuti latihan perguruan guru pelatih lazimnya mereka hanya cenderung untuk memperoleh markah penilaian tanpa penghayatan yang tinggi dalam pembentukan sahsiah.



Namun demikian, boleh diujahkan bahawa mungkin bagi mereka kesedaran dan minat yang tinggi terhadap profesion perguruan boleh dipupuk semasa mengikuti program latihan yang bercorak pembinaan sahsiah (Robiah, 1996). Masalah kurang berminat terhadap tugas atau profesion dapat diatasi melalui program latihan untuk memberi kemahiran, motivasi dan memperbaiki kebolehan serta minat dalam profesionnya (Maimunah, 1994)

Program BIG dapat dilihat sebagai sebuah program yang perlu dilaksanakan tanpa melihat kecekapan dan pengendalian yang lebih tersusun sebagai mana ditetapkan. Jika sekiranya objektif-objektif program BIG yang sedia ada kurang diberi penekanan, mengakibatkan segala aktiviti yang dibuat oleh pihak pengurusan dan jawatan kuasa pelaksana seolah-olah hilang punca dan tidak mempunyai matlamat untuk dinilai dan diukur. Ini sudah tentu akan memberi kesan yang kurang baik terhadap sistem pendidikan di Malaysia. Implikasinya nanti akan melahirkan guru permulaan yang berbeza-beza dari segi kemahiran dan pengetahuannya kerana mereka dilatih atau dibentuk oleh para jurulatih dan fasilitator dari pelbagai latar belakang dan mempunyai kemahiran dan objektif yang berbeza.

Di dalam menyediakan latihan program yang berkesan, timbul juga masalah di kalangan jurulatih, fasilitator yang tidak mempunyai keyakinan untuk mengendalikan program BIG terutama aktiviti yang melibatkan keselamatan dan ada juga di kalangan fasilitator mempunyai sikap yang sukar untuk menyesuaikan diri dengan aktiviti yang lasak seperti aktiviti kembara, air dan juga berkayak. Menurut Seng (1994) jurulatih dalam sesuatu program merupakan penyelaras latihan, pakar latihan, pentadbir latihan, penganalisis keperluan latihan dan ketua organisasi latihan. Oleh yang demikian, untuk menjadi seorang pakar dalam bidang latihan, dia hendaklah memahami secara



mendalami teori pembelajaran, model latihan, teknik penyampaian latihan, objektif latihan dan asas pembentukan program latihan (Ibrahim, 1996)

Bagi melaksanakan program BIG, strategi pengajaran dan pembelajaran perlu diambil kira. Melalui strategi yang sesuai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran program BIG dapat dinilai dengan lebih telus lagi. Apabila fasilitator tidak menggunakan strategi yang betul, berkemungkinan apa yang hendak dilakukan tidak akan berjaya untuk disempurnakan dengan baik dan berkesan.

Bagi memperolehi produk yang berkesan secara keseluruhannya pelaksanaan program BIG perlu dilihat sejauh mana kecekapan pengurusan melaksanakan program ini untuk pembangunan sahsiah. Melalui program BIG diharap dapat mengatasi masalah pembentukan sahsiah di kalangan guru pelatih seterusnya dapat membina insan guru yang berakhlak mulia, bersemangat juang yang tinggi, mempunyai ketahanan fizikal dan mental, bermanfaat kepada diri, keluarga, masyarakat serta negara selaras dengan nilai-nilai keguruan yang ada. Setakat ini tidak dapat diketahui sama ada program benar-benar dapat membina sahsiah secara keseluruhan kerana belum ada kajian yang mendalam mengenainya

### **1.3. Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian yang diutarakan, kajian ini akan dapat menjawab persoalan-persoalan berikut;

- i. Bagaimanakah pelaksanaan pengurusan program BIG membina sahsiah guru pelatih?
- ii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan PBIG dengan pembinaan sahsiah guru pelatih?

- iii. Adakah terdapat faktor jurulatih, rakan sebaya dan motivasi paling mempengaruhi pembinaan sahsiah guru pelatih semasa program BIG dilaksanakan?
- iv. Adakah terdapat perbezaan pembinaan sahsiah dari segi jantina terhadap program BIG?

#### 1.4. Hipotesis Kajian

Untuk menjawab persoalan-persoalan kajian di atas, ujian hipotesis turut dilakukan. Berikutnya dikemukakan pernyataan-pernyataan bagi hipotesis nul kajian.

- H<sub>01</sub>** Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara program BIG terhadap pembinaan sahsiah guru pelatih dengan pengaruh rakan sebaya
- H<sub>02</sub>** Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara program BIG terhadap pembinaan sahsiah guru pelatih dengan pengaruh jurulatih (pensyarah)
- H<sub>03</sub>** Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara program BIG terhadap pembinaan sahsiah guru pelatih dengan pengaruh motivasi
- H<sub>04</sub>** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pembinaan sahsiah dalam program BIG berdasarkan jantina


#### 1.5. Latar Belakang Model

Kajian ini akan menggunakan Model Bina Insan Guru (KPM, 2003) yang disesuaikan dengan merujuk kepada Model KIPP Stuffbeam (1983) dan Model 3P Briggs. Penggunaan Model KIPP berdasarkan kesesuaian program BIG dalam menghasilkan produknya. Produk utama dalam kajian ini adalah pembinaan sahsiah guru pelatih berdasarkan reka bentuk program BIG. Model KIPP diperkukuhkan lagi dengan Model 3P

Briggs (1991) berdasarkan konteks dan proses untuk mencapai produk iaitu hasil pembelajaran.

### 1.5.1 Model Bina Insan Guru dan KIPP

Kajian ini menggunakan Model Bina Insan Guru yang diperkenalkan oleh KPM. Walau bagaimanapun model CIPP Stufflebeam (1983) turut dikaitkan dalam kajian ini. Model ini dikenali sebagai *Stufflebeam's CIPP Model*. Model CIPP merupakan singkatan bagi perkataan *Context, Input, Process* dan *Product* atau dalam Bahasa Melayu, Konteks, Input, Proses dan Produk (KIPP). Keempat-empat tahap iaitu konteks, input, proses dan produk merupakan dimensi yang berbeza-beza dan mampu menilai keberkesanan sesuatu latihan atau program.




**Rajah 1.1: Model KIPP Stufflebeam dan Kesesuaian Model BIG**

Dalam dimensi konteks penyelidik akan memberi penekanan kepada kesesuaian pengurusan program BIG dengan keperluan latihan di maktab perguruan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan kerana Falsafah Pendidikan Negara merupakan pernyataan hasrat dan harapan pada umumnya dan sistem pendidikan negara yang berkenaan khususnya (Al. Ramaiah,1992). Penilaian konteks juga melibatkan misi memberikan objektif program ini.

Dimensi input pula untuk memberi maklumat tentang bagaimana hendak melaksanakan dan menggunakan kepakaran-kepakaran, kemahiran dan bahan-bahan yang disediakan untuk mencapai objektif program. Dengan ini segala kekuatan yang akan digunakan boleh memberi input yang berkesan untuk mencapai objektif program. Segala input yang diberikan dalam program BIG kepada guru pelatih adalah untuk memastikan sama ada keberkesanan kaedah, strategi dan perancangan yang digunakan mengikut program yang ditetapkan.

Dimensi proses digunakan semasa program BIG dilaksanakan berdasarkan reka bentuk dan strategi pelaksanaannya. Proses pelaksanaan program memberi tumpuan kepada tiga domain iaitu kognitif, psikomotor dan afektif (Tyler,1986). Tujuan utama peringkat ini adalah untuk mengesan kelemahan dan kekuatan di dalam program ini berdasarkan tiga domain. Ini berlaku sekiranya elemen perancangan tidak dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan matlamat tidak akan tercapai. Pada tahap ini akan dapat mengesan keberkesanan program.

Dimensi produk adalah untuk melihat atau menilai pencapaian kognitif, psikomotor dan afektif melalui program BIG. Pada tahap produk akan melihat dapatan dan hasil semasa dan selepas program BIG dilaksanakan. Hasil program akan menjadi ukuran dan penentuan dalam pencapaian matlamat dan objektif. Dalam kajian ini lebih mengutamakan pembinaan sahsiah sebagai produk utama. Dengan ini penilaian produk akan membantu membuat keputusan sama ada meneruskan, mengubahsuai atau membatalkan sesuatu program yang dilaksanakan. Keadaan ini berlaku dengan membandingkan antara hasil sebenar dengan hasil yang hendak dicapai (Popham,1989)



Rajah 1.2: *Presage, process and product in student learning*

Dipetik dari Briggs, C.N (1991) dalam Zulkifli Mohamed (1996)

### 1.5.2 Model KIPP dan 3P Briggs

Briggs C,N. dalam Zulkifli Mohamed (1996) menggariskan tiga dimensi dalam menghasilkan hasil pembelajaran iaitu, *Presage*, *Process* dan *Product* (3P). Dimensi petanda (presage) melihat kepada sifat-sifat seorang pelajar terhadap sesuatu program atau pembelajaran yang mengandungi konteks dan kandungan pengajaran.



Dimensi kedua iaitu proses (process) merupakan penjelmaan terhadap tugas dan tanggungjawab pelajar setelah mengikuti dan melaksanakan sesuatu program atau pembelajaran. Pada dimensi produk (product) pelajar akan memperoleh hasil pembelajaran yang mantap. Model ini dapat memberi pengalaman tentang sikap dan kesediaan pelajar terhadap proses pembelajaran serta tugas ke arah pencapaian hasil pembelajaran. Perkaitan program BIG dalam model ini amatlah relevan berdasarkan kesediaan guru pelatih mengikuti program tersebut ke arah pembinaan sahsiah.

### 1.5.3 Kerangka Konseptual Kajian

Perkaitan pengurusan program BIG merupakan pemboleh ubah bebas dan pembentuk sahsiah guru pelatih merupakan pemboleh ubah bersandar. Bagi mengukur keberkesanan pengurusan program BIG dalam membentuk sahsiah guru pelatih, kerangka konseptual dalam Rajah 1.3 dapat menggambarkan hubungan pemboleh ubah bebas iaitu pengurusan program BIG dengan pemboleh ubah bersandar iaitu sahsiah guru pelatih.

Kerangka konseptual dilaksanakan berdasarkan model Bina Insan Guru (KPM, 2003). Model ini menjelaskan peringkat pengurusan program yang berasaskan kepada agama, masyarakat dan negara dalam melahirkan insan guru. Manakala pembinaan sahsiah guru pelatih berdasarkan dimensi produk. Dimensi produk merupakan pemboleh ubah bersandar berdasarkan perubahan tingkah laku setelah mengikuti program BIG. Aspek perubahan adalah pembinaan sahsiah dari segi kognitif, psikomotor dan afektif.

Domain kognitif merupakan tindakbalas intelek dan pengetahuan yang diperoleh dalam program BIG. Manakala domain psikomotor melibatkan pembinaan disiplin, penampilan dan personaliti guru yang sihat dan berakhlak mulia. Dalam domain afektif pembinaan sahsiah dapat dihasilkan melalui keseimbangan rohani, emosi, sikap dan nilai keguruan. Produk ini seterusnya akan menghasilkan perwatakan baru yang lebih domain dan positif.



**Rajah 1.3: Kerangka Konseptual Pembentukan Insan Guru**

Pembinaan dan pembentukan insan adalah berpaksikan Ketuhanan. Kepercayaan dan pegangan agama, nilai sejagat menjadi asas yang kuat dan kukuh dalam pembentukan seseorang insan. Rajah 2.1 merupakan konseptual program BIG yang merangkumi pembinaan insan juga memerlukan kesepaduan unsur-unsur ilmu, kemahiran dan kerohanian. Kekuatan, ketahanan, serta ketekalan mental, fizikal dan



emosi dijadikan asas dalam pembentukan insan yang seimbang dan harmoni. Pembentukan individu adalah asas kepada pembentukan masyarakat dan negara. Latihan perguruan harus memberi penumpuan kepada pembentukan diri individu dengan ilmu dan kemahiran yang berlandaskan nilai dan norma tempatan, keagamaan dan universal. (Sukatan PBIG,2003)

### 1.6. Tujuan Kajian

Penyelidikan merupakan proses mencari pengetahuan baharu dan satu cara manusia mencari kebenaran dan ketepatan. Menurut Sulaiman (2003) kajian penyelidikan adalah proses penghasilan dan penambahan pengetahuan tentang manusia, alam dan sebagainya yang berasaskan rangsangan terhadap perkara yang dilihat dan dialami.

Sidek Mohd. Noah (2003) pula menyatakan bahawa kajian bertujuan untuk;

- i. Mendapatkan maklumat-maklumat baru
- ii. Memperoleh hubungan-hubungan dan pertalian baru
- iii. Memperkembangkan ilmu pengetahuan yang sedia ada
- iv. Verifikasi ilmu pengetahuan untuk tujuan pengesahan
- v. Membina dan memperkembangkan teori-teori baru yang boleh diaplikasi dalam dunia sebenar
- vi. Untuk memahami, menjangka, serta mengawal sesuatu hasil

Dalam kajian ini akan menekankan beberapa tujuan yang difikirkan dapat menyumbang kepada keperluan bagi menjawab beberapa persoalan dan masalah untuk mendapatkan maklumat baru hubungan dan pertalian antara pemboleh ubah yang dikemukakan.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengurusan PBIG mampu dalam membina sahsiah guru pelatih. Kajian ini juga ingin mengenal pasti sejauh manakah terdapat perbezaan dan perubahan sahsiah melalui program BIG berdasarkan pengurusan program latihan, pengaruh rakan sebaya, jurulatih dan motivasi.

### **1.6.1 Objektif Kajian**

Secara khususnya kajian ini untuk memenuhi objektif kajian yang berikut;

- i. Mengetahui pengurusan pengurusan PBIG dapat membina sahsiah guru pelatih di Maktab Perguruan Tawau.
- ii. Menentukan perbezaan tahap sahsiah di antara guru pelatih sama ada lelaki atau perempuan terhadap program BIG
- iii. Mengetahui sama ada hubungan yang ketara di antara PBIG dengan perubahan sahsiah guru pelatih dengan pengaruh rakan sebaya, jurulatih, dan motivasi.
- iv. Mengetahui faktor rakan sebaya, jurulatih dan motivasi yang paling mempengaruhi sahsiah guru pelatih dalam program BIG

### **1.7. Batasan Kajian**

Kajian ini merupakan suatu kajian awal terhadap pengurusan program BIG dalam membina sahsiah guru pelatih di Maktab Perguruan Tawau, Sabah. Penyelidik menggunakan kaedah tinjauan dan persampelan purposif dalam pemilihan lokasi dan sampel. Kajian ditumpukan kepada pembinaan sahsiah guru pelatih dalam program BIG yang dilaksanakan pada bulan ketiga sesi interaksi pembelajaran.

Kajian ini melibatkan guru pelatih KPLI lelaki dan perempuan yang sedang mengikuti pengajian di maktab perguruan. Kejayaan hasil kajian ini bergantung kepada